



ABDUL FATTAH ABDULLAH (tiga dari kiri) menyampaikan sijil kepada sebahagian peserta Kursus Induksi Koperasi Ahli Baharu 2015 dan 2016 di Seremban, Negeri Sembilan, semalam.

Angkasa saran koperasi ceburi bidang peruncitan

UM 24/2/2017 ms 33

SEREMBAN 23 Feb. - Seluruh koperasi di negara ini digalakkan menyertai bidang peruncitan bagi membantu menangani kenaikan harga barangan keperluan harian.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pada masa ini jumlah koperasi yang bergiat dalam bidang peruncitan masih belum mencukupi.

Menurut beliau, koperasi merupakan platform terbaik bagi menstabilkan harga barangan kerana memiliki rangkaian ahli yang berupaya mengawal kos dalam penghasilan sesuatu barangan.

"Kita ada koperasi pengeluar, barangan, pengedar dan peruncitan, justeru ini adalah jaringan yang boleh berperanan untuk membendung kenaikan harga di luar kawalan.

"Langkah menangani keperluan harga barangan ini juga boleh dilakukan dengan cara koperasi membeli ba-

rangan secara pukal dan sudah tentu mendapat harga yang lebih rendah," katanya selepas merasmikan Kursus Induksi Ahli Koperasi Baharu 2015 dan 2016 di sini hari ini.

Menurut Abdul Fattah, koperasi yang terlibat dalam bidang peruncitan juga boleh mendapat manfaat daripada hampir lapan juta ahli koperasi di seluruh negara untuk memasarkan barangan mereka.

"Sebab itu, kita minta ahli koperasi menyahut seruan kerajaan supaya melibatkan diri dalam bidang berkenaan kerana di Jepun, Korea Selatan dan Singapura sudah terbukti peranan koperasi mampu mengelak kenaikan harga barang keperluan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Abdul Fattah berkata, kerajaan disarankan supaya meminda akta dan undang-undang yang tidak mesra koperasi dan menyekat badan itu daripada menjalankan perniagaan.